Sinar Harian . 23/2/22 (Rabu) . M/S : 24

# Imigresen sedia gempur PHS, PBKL

**KUALA LUMPUR** - Operasi dan tindakan akan dilaksanakan Jabatan Imigresen Malaysia (Imigresen) berikutan laporan penglibatan warga asing yang tidak mempunyai permit kembali berleluasa berniaga di Pasar Harian Selayang (PHS) dan Pasar Borong Kuala Lumpur (PBKL).



Imigresen akan melaksanakan pemantauan di Pasar Borong Kuala Lumpur berikutan laporan warga asing yang tidak mempunyai permit kembali berniaga.

Bagaimanapun, Pengarah Imigresen Kuala Lumpur, Syamsul Badrin Mohshin berkata, pihaknya perlu terlebih dahulu melaksanakan pemantauan keadaan semasa sebelum membuat tindakan susulan.

Katanya, pemantauan ini perlu sebelum tindakan lanjut dilaksanakan termasuklah operasi atau serbuan oleh Imigresen.

"Tindakan sebegini bukan sahaja dibuat di pasar borong, tetapi di semua lokasi yang membabitkan warga asing.

"Kita akan laksanakan pemantauan di dua lokasi ini (PHS dan PBKL) dahulu bagi menilai keadaan semasa sebelum tindakan serbuan atau operasi dijalankan," katanya kepada *Sinar Harian* pada Selasa.

Ditanya berkenaan dakwaan lot niaga pasar borong yang disewakan kepada pihak ketiga terutama warga asing untuk mengaut keuntungan 'atas angin', Syamsul Badrin berkata, pihaknya akan menyiasat berhubung perkara itu.

"Semua perkara ini akan disiasat secara menyeluruh dan mereka yang melanggar undang-undang akan dikenakan tindakan tegas," ujarnya.

Tambahnya, orang ramai yang mempunyai maklumat berkaitan juga diminta untuk salurkan kepada Imigresen untuk tindakan lanjut.

Pada Isnin, media melaporkan Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) tidak akan berkompromi dengan mana-mana peniaga di PHS dan PBKL yang menyewakan lesen premis perniagaan mereka kepada warga asing.

Timbalan Menterinya, Datuk Seri Jalaluddin Alias berkata, tindakan penguatkuasaan boleh diambil dengan menamatkan serta-merta lesen premis perniagaan mereka dan disenaraihitamkan daripada memohon lesen perniagaan baharu.

# New base reflects DBKL enforcement's towering responsibility

StarMetro . 23/2/22 (Wednesday) . pg: 1

By FARID WAHAB
faridwahab@thestar.com.my

KUALA Lumpur City Hall's (DBKL) 1,700-strong enforcement personnel are now housed at a new building in Bandar Tun Razak.

The RM149mil facility replaces the old enforcement complex in Jalan Tun Razak, which will now be used to store vehicles towed by DBKL.

Federal Territories Minister Datuk Seri Dr Shahidan Kassim hoped that the new premises — Menara Penguatkuasa DBKL — would spur them to step up their efforts.

"Enforcement officers play an important role in realising the hopes and aspirations of city folk," he said after opening the tower and launching the DBKL Strategic Enforcement Plan 2022-2026.

The plan serves as a framework for enforcement and monitoring activities in Kuala Lumpur.

"As uniformed officers, the enforcers must comply with the regulations when carrying out their duties," said Shahidan.

The Enforcement Department's history dates back to 1969 when 48 former police and army personnel were hired.

They were then known as the "demolition squad" as one of their duties was to tear down illegal or squatter settlements.

Separately, Shahidan warned that stern action would be taken against hawkers found to have sold their licence to operate at Ramadan bazaars.

"We have received information of this illegal activity taking place," he said.

Meanwhile, Kuala Lumpur mayor Datuk Seri Mahadi Che Ngah announced that DBKL had collected RM61mil as of Dec 31, 2021, from payment of traffic compounds issued between 2017 and 2020.

Only 1.3 million traffic compounds were paid out of 11.3 million notices issued during the same period.

Mahadi said 108,000 unpaid notices had been brought to court, resulting in 4,900 motorists being blacklisted by the Public Transport Department.

DBKL is running a discount campaign until June 30 to encourage traffic offenders to settle their compounds.

"This offer is applicable for general offences and not notices that have been blacklisted," he said.

Motorists can pay their traffic compounds at DBKL payment counters, post offices, via Jompay or the Mobis DBKL app.

23/2/22 (Rabu)
M/S: 19




Mereka dah kembali!

*Warga asing ligat berniaga di Pasar Harian Selayang, Pasar Borong Kuala Lumpur walaupun sudah banyak kali kena gempur*

LAPORAN Harian Metro, semalam.

# TAMAT LESEN NIAGA!

## *Peniaga beri sewa lesen kepada warga asing bakal kena tindakan tegas*

**Kuala Lumpur**

Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) tidak akan berkompromi dengan mana-mana peniaga di Pasar Harian Selayang (PHS) dan Pasar Borong Kuala Lumpur yang menyewakan lesen premis perniagaan mereka kepada warga asing.

Timbalan Menterinya Datuk Seri Jalaluddin Alias berkata, tindakan penguatkuasaan boleh diambil dengan menamatkan serta-merta lesen premis perniagaan mereka dan disenaraihitamkan daripada memohon lesen perniagaan baharu.

"Saya sendiri dapat beberapa laporan berkaitan penglibatan warga asing yang tidak mempunyai permit kembali berleluasa berniaga di sekitar Kuala Lumpur terutamanya di PHS.

"Saya sudah meminta Jabatan Penguatkuasaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk melihat secara terperinci perkara ini dan tindakan akan dilakukan serta-merta," katanya kepada Bernama.

> "Saya sendiri dapat beberapa laporan berkaitan penglibatan warga asing
> Jalaluddin

Jalaluddin berkata demikian bagi mengulas laporan semalam mengenai kumpulan warga asing yang kembali aktif menjalankan perniagaan secara haram di sekitar PHS dan Pasar Borong Kuala Lumpur meskipun kawasan itu pernah digempur beberapa kali oleh pihak berkuasa.

Sementara itu, DBKL dalam satu kenyataan memaklumkan pihaknya telah membekukan permohonan lesen baharu bagi premis perniagaan di sekitar pusat bandar utara itu bagi mengawal aktiviti warga asing yang menjalankan perniagaan di kawasan tersebut.

Menurut DBKL, tindakan penguatkuasaan juga dilaksanakan terhadap premis perniagaan yang dijalankan warga asing manakala surat tunjuk sebab dikeluarkan kepada pemegang lesen yang mengambil pembantu atau pekerja bukan warganegara tanpa permit kerja sah.

Sementara itu, DBKL memaklumkan sebanyak 4,636 notis kompaun dikeluarkan kepada majikan yang menggaji pekerja asing termasuk 1,289 notis kompaun di Pasar Borong Kuala Lumpur dari Jan hingga Disember tahun lalu.